

BERITA HARIAN

DATE: 29 / 08 / 2007

Merdeka hasil usaha pemerintah

BH - 29/8/2007

Jangan pertikai sambutan berkait BN: Khairy

Oleh Hussain Said

SEREMBAN: Pemuda Umno meminta semua pihak menerima hakikat bahawa program dan aktiviti yang dilaksanakan sempena sambutan kemerdekaan negara tidak boleh lari daripada dikaitkan dengan Barisan Nasional (BN).

Naib Ketuanya, Khairy Jamaluddin berkata, sudah termaktub dalam sejarah bahawa kemerdekaan negara yang dicapai pada 31 Ogos 1957 adalah hasil perjuangan dan tuntutan yang dilakukan parti memerintah.

"Sejarah tidak boleh diubah bahawa parti yang menuntut kemerdekaan dan menjayakan kemerdekaan negara ialah parti memerintah iaitu Perikatan (UMNO, MCA dan MIC) pada masa itu dan kini Barisan Nasional (BN).

"Ketika itu di manakah parti pembangkang. Jadi, kemerdekaan negara



Malaysiaku Gemilang

sudah sinonim dengan parti memerintah dan kita tidak boleh pisahkan segala program kemerdekaan yang akan disambut Jumaat ini dengan parti memerintah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Kembara Jalur Gemilang Jelajah Negeri Sembilan 2007 sempena sambutan kemerdekaan ke-50 negara, dekat sini malam kelmarin.

Program itu dianjurkan bersama Kerajaan Negeri Sembilan, Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) negeri, Badan Perhubungan dan Pemuda Umno Negeri Sembilan.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri yang juga Ketua Pemuda Umno negeri, Datuk Ir Jamlus Abdul Aziz dan ketua pemuda Umno bahagian negeri ini.

Sementara itu, Khairy yang juga Naib Pengerusi Pemuda BN mengingatkan rakyat jangan alpa dengan kemerdekaan yang dikecapi selama ini kerana negara boleh dijajah semula pada bila-bila masa dalam bentuk baru seperti penjajahan minda dan ekonomi.

"Jika kita tidak berhati-hati dan alpa, kita akan dijajah semula. Saya minta semua kaum sentiasa mengekatkan perpaduan bagi mengekalkan kemerdekaan dan kemajuan yang dicapai ketika ini," katanya.